

28 JUL 2000

Hasina-Lawatan/I

HUBUNGAN MALAYSIA-BANGLADESH AKAN DIPERLUASAKAN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Hubungan dua hala antara Malaysia dan Bangladesh akan dapat diperluaskan lagi dengan lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina ke negara ini mulai Isnin.

Lawatan beliau, atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menggalakkan lagi kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara, demikian menurut kenyataan Wisma Putra di sini, hari ini.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Sheikh Hasina ke Malaysia.

Beliau akan diiringi oleh delegasi 73 orang yang termasuk menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan.

Antaranya ialah Menteri Buruh dan Pekerjaan M.A. Mannan dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Abul Hasan Chowdhury.

Sheikh Hasina akan membuat kunjungan hormat ke atas Dr Mahathir di Putrajaya dan menghadiri mesyuarat dua hala.

Wisma Putra berkata kedua-dua pemimpin itu dijangka berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Sheikh Hasina dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Beliau juga akan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (DPPKM) dan melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia serta Menara Berkembar Petronas.

Perdana Menteri Banglaesh itu turut dijadualkan melawat Pulau Langkawi.

Malaysia ialah pelabur ketiga terbesar selepas Amerika Syarikat dan United Kingdom di Bangladesh.

Pada masa ini, terdapat 33 syarikat Malaysia yang berdaftar dengan Lembaga Pelaburan Bangladesh (BOI).

Setakat Disember tahun lepas, pelaburan Malaysia di Bangladesh dianggarkan AS\$1.32 bilion (RM5.01 bilion).

Pelaburan Malaysia kebanyakannya dalam industri-industri telekomunikasi, pengangkutan, pendidikan, penjana kuasa, petro-kimia, perisian data, perabut dan berasaskan pertanian.

Pada 1999, jumlah dagangan Malaysia dengan Bangladesh ialah RM534.8 juta. Imbangan perdagangan pula memihak kepada Malaysia dengan jumlah eksport sebanyak RM507.2 juta dan import sebanyak RM27.6 juta.

Bahan eksport utama Malaysia ialah minyak sawit, yang merupakan 15.7 peratus daripada jumlah eksport negara.

Dalam pada itu, bahan import utama Malaysia dari Bangladesh ialah krustasea dan molluska, peralatan fotografi, komoditi, guni ikan dan beg diperbuat daripada jut.

Malaysia dan Bangladesh juga mempunyai kerjasama rapat dalam bidang pendidikan, pengangkutan maritim, pelancongan, pertanian dan maklumat.

-- BERNAMA

NY AZZ NAK